

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 APRIL 2016

PM terima kunjungan delegasi CPC

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam menerima kunjungan hormat 11 anggota delegasi Parti Komunis China (CPC), di sini.

Delegasi itu yang diketuai Menteri di Jabatan Antarabangsa Republik itu, H E Song Tao mengadakan pertemuan dengan Presiden UMNO kira-kira setengah jam.

Usaha rapat hubungan

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Irmohizam Ibrahim, berkata antara perkara dibincang dalam pertemuan itu, termasuk usaha merapatkan hubungan kedua-dua negara.


“Wakil delegasi CPC turut menyampaikan pelawaan Presiden China, Xi Jinping untuk Najib mengunjungi China dan

“*Wakil delegasi CPC turut menyampaikan pelawaan Presiden China, Xi Jinping untuk Najib mengunjungi China”*

Irmohizam Ibrahim,
Ahli Majlis Tertinggi UMNO

Perdana Menteri pula menggalakkan lebih ramai pelancong negara itu mengunjungi Malaysia, selain meneruskan pelaburan,” katanya selepas pertemuan tertutup itu, semalam.

Yang turut hadir dalam pertemuan itu, Duta Besar China ke Malaysia, Dr Huang Huikang.



Najib bersalaman dengan Song Tao pada pertemuan dengan delegasi CPC di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO BERNAMA]